



---

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN  
BILANGAN 7 TAHUN 2012**

---

**PERUBAHAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN  
BERIKUTAN PELAKSANAAN JADUAL GAJI  
MINIMUM - MAKSIMUM (JGMM)  
MENGGANTIKAN JADUAL GAJI MATRIKS (JGM)  
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar  
**3 Ogos 2012**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/2 Jld.2(7)

3 OGOS 2012

## SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 7/2012

### **PERUBAHAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN BERIKUTAN PELAKSANAAN JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM (JGMM) MENGGANTIKAN JADUAL GAJI MATRIKS (JGM) DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai keputusan pihak Universiti atas perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2012 mengenai Perubahan Penetapan Gaji Permulaan Berikutan Pelaksanaan Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) Menggantikan Jadual Gaji Matriks (JGM) di Bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) di UTeM.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Pada masa ini penetapan gaji permulaan kepada seseorang pegawai yang baru dilantik adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 (PP Bil. 4/2002); Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan, Pekeliling Perkhidmatan/Surat Pekeliling Perkhidmatan/Surat Edaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari semasa ke semasa.

2.2 Berikutan daripada keputusan Kerajaan untuk mengekalkan SSM melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2012 – Kenaikan Gaji Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah SSM, struktur gaji SSM diubah suai daripada JGM yang mempunyai tiga (3) peringkat gaji (P) dan tangga gaji (T) kepada JGMM yang tiada lagi tangga gaji.

#### **3.0 PELAKSANAAN**

3.1 Dengan pengelasan SSM, kesemua skim perkhidmatan yang diluluskan di bawah PP Bil. 4/2002. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan serta surat pelaksanaan mengenai penggubalan, perubahan dan penjumudan skim perkhidmatan

dalam tempoh 1 November 2002 sehingga 31 Disember 2011 seperti di Lampiran A dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2012 adalah kekal berkuat kuasa.

3.2 Berikutan dengan pemakaian JGMM, penetapan gaji permulaan bagi 279 skim perkhidmatan yang berkuat kuasa pada masa ini telah dipinda seperti di Lampiran B dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2012 dan perubahan ini hanya terpakai kepada pegawai yang dilantik mulai 1 Januari 2012.

#### **4.0 PEMAKAIAN**

4.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2012 Perubahan Penetapan Gaji Permulaan Berikutan Pelaksanaan Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) Menggantikan Jadual Gaji Matriks **diguna pakai secara keseluruhan** di Universiti ini.

4.2 Surat Pekeliling Pentadbiran ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2012. Salinan Pekeliling Perkhidmatan tersebut boleh dirujuk sama ada di laman web Pejabat Pendaftar atau laman web Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) di alamat <http://www.jpa.gov.my>.

#### **5.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2012**.

Sekian, terima kasih.

#### **“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**HASAN BIN SIRUN**

Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

/ukp